

Hentikan pembinaan baharu di KL, tumpu pembangunan hijau dan biru

- Pembangunan hijau dan biru memberikan pelbagai faedah, termasuk meningkatkan kualiti udara, mengekalkan sumber air dan meningkatkan keselesaan bandar

- Kuala Lumpur perlu memfokuskan pembangunan hijau dan biru yang bukan sahaja membawa faedah ekologi, bahkan menyumbang pembangunan holistik ibu kota itu



Oleh Prof Dr Mohd Ramzi Mohd Hussain
bhrencana@bh.com.my

Profesor Jabatan Senibina Landskap, Kulliyah Seni Bina dan Reka Bentuk Alam Sekitar (KAED), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Abad ini dipanggil 'abad bandar' kerana menjelang 2050, diramalkan terdapat 2.4 bilion orang yang akan tinggal di kawasan bandar, sekali gus menyaksikan penghijrahan manusia dari luar bandar akan meningkat secara mendadak.

Antara kesannya ialah keperluan ruang lapang hijau dan rekreasi luas untuk menampung kesesakan di kawasan bandar. Bandar raya metropolitan Kuala Lumpur juga akan mengalami permintaan dan tekanan ke atas permintaan masyarakat bandar.

Bagi menangani keadaan ini, pihak berkuasa terutama Kementerian Wilayah

Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) perlu merancang perbandaran secara jangka panjang dengan menyusun dan menyediakan ruang hijau dan biru yang boleh menampung permintaan itu.

Ia bukan sahaja berfungsi untuk kegunaan manusia, malah ruang hijau dan biru melalui pembangunan infrastruktur hijau serta biru akan menjadi kawasan yang dapat melestarikan ruang bandar.

Jika dilihat dari sejarah, 30 tahun lalu, antara cadangan diajukan Perdana Menteri ketika itu adalah untuk mengalihkan pusat pentadbiran Kuala Lumpur ke Putrajaya yang berkonsepkan bandar dalam taman lebih berdaya huni dan lestari.

Isu utama pemindahan ini disebabkan Kuala Lumpur begitu sesak dengan kehidupan manusia dan padat, sekali gus penuh dengan kepesatan pembangunan, baik bangunan pencakar langit seperti Menara Berkembar Kuala Lumpur (KLCC) dan Menara Kuala Lumpur serta bangunan komersial dan perumahan.

Namun, setelah berlaku pemindahan kementerian, jabatan dan agensi kerajaan ke Putrajaya seawal 2000, masih lagi kelihatan banyak pembinaan bangunan serta infrastruktur jalan raya sekitar Kuala Lumpur serta

pinggir bandar raya ini.

Ini memberi kesan lebih hebat berbanding sebelumnya. Pemindahan pusat pentadbiran ke Putrajaya tetap berlaku, namun pembinaan bangunan baharu juga terus rancak hingga ke saat ini, iaitu 2024.

Natijahnya, Kuala Lumpur tetap dan terus mengalami kesesakan serta kepadatan penduduk sangat tinggi seperti isu sebelum terbinanya Putrajaya. Bukan hanya kesesakan jalan raya, malah isu banjir kilat, kekurangan kawasan hijau dan rekreasi, Sungai Klang dan Sungai Gombak belum mencapai tahap 'sungai kehidupan' atau *River of Life* (RoL), isu pemanasan pulau haba di bandar dan lain-lain menyumbang kepada ketidakseimbangan Kuala Lumpur.

Ini juga memberi kesan kepada kesesakan sudah lama berlarutan di Kuala Lumpur. Ini memberi impak kepada konsep Kuala Lumpur ke arah bandar raya berdaya huni dan lestari.

Usaha baharu perlu diambil untuk menghentikan terus atau mengurangkan pembangunan bangunan dengan memberi tumpuan kepada pembangunan infrastruktur hijau dan biru di Kuala Lumpur adalah pendekatan segera dalam pengurusan bandar untuk mengatasi ancaman global seperti perubahan iklim, pertumbuhan penduduk bandar serta ketidakseimbangan ekologi.

Pembangunan hijau dan biru memberikan pelbagai faedah, termasuk meningkatkan kualiti udara, mengekalkan sumber air dan meningkatkan keselesaan bandar.

Jika diukur secara kasar, keupayaan tampungan Kuala Lumpur untuk pembinaan bangunan dan infrastruktur fizikal lain sudah mencukupi. Ia hanya perlu dilengkapi dengan pengawasan dan penjagaan pembangunan sedia ada di samping merancang pembangunan infrastruktur hijau dan biru untuk menangani keadaan semasa.

Impak pembangunan fizikal

Realitinya, pembangunan fizikal dilihat memberi impak ketara kepada kelestarian bandar. Banyak bukit, cerun dan paya sudah dan sedang diratakan untuk pembangunan bangunan serta infrastruktur.

Ia secara tidak langsung mengganggu dan mengubah keadaan fizikal semula jadi yang memberi kesan mendalam seperti banjir kilat dan

tanah runtuh di tempat tertentu.

Selain itu, keadaan fizikal berkaitan perubahan ketara dalam persekitaran semula jadi. Contohnya, banyak perubahan berlaku kepada anak sungai, parit, paya dan kawasan hutan dara diterokai tanpa perancangan khusus untuk tujuan pembangunan.

Ia secara mendadak menjejaskan ekologi dan habitat tempat berkenaan. Sebagai contoh, kawasan lembah sungai dan parit yang menjadi taman hujan semula jadi, boleh menampung air hujan lebat dan membawanya ke sungai dan terus ke laut.

Namun, keadaan ini berubah kerana kekurangan kaedah pengurusan sumber asli teratur dan kemas. Kesannya menjadi lebih ketara jika hujan lebat berlaku melebihi dua hingga tiga jam menyebabkan kawasan terbabit akan mudah dinaiki air.

Pembangunan infrastruktur hijau seperti taman awam, taman perbandaran dan kawasan lapang hijau membantu mengurangkan kesan 'bandar panas' serta menyediakan kawasan hijau yang boleh menyerap karbon dioksida.

Ia membantu mengurangkan kesan pemanasan global dan meningkatkan keseimbangan ekologi. Penambahan kawasan lapang hijau membantu meningkatkan kualiti udara dengan menyediakan sumber oksigen tambahan, menapis pencemaran udara dan menyediakan tempat untuk menanam tumbuhan yang boleh membersihkan udara.

Pembangunan infrastruktur biru seperti sistem penampungan hujan, kolam dan tasik buatan, membantu dalam mengurangkan risiko banjir, meningkatkan penyerapan air hujan, serta mengekalkan sumber air bandar.

Ruang hijau dan biru juga menyediakan ruang rekreasi serta rehat untuk warga kota, meningkatkan keselesaan bandar dan kesihatan mental. Pembangunan hijau dan biru adalah penting dalam memelihara kepelbagaian biologi dengan menyediakan habitat untuk flora dan fauna bandar.

Pembangunan infrastruktur hijau dan biru juga boleh meningkatkan ekonomi tempatan. Projek pembangunan ini mewujudkan peluang pekerjaan baharu dalam sektor perkhidmatan, landskap dan pemuliharaan yang memberi manfaat kepada penduduk.

Selain itu, kawasan diindahkan dan diberi fungsi sosial seperti taman awam atau pasar tempatan, boleh menggalakkan interaksi sosial serta mengeratkan ikatan komuniti.

Tumpuan kepada infrastruktur hijau dan biru juga selaras dengan pembangunan konsep bandar pintar. Menggunakan teknologi untuk mengurus sumber air, tenaga dan pengangkutan boleh meningkatkan kecekapan penggunaan sumber, mengurangkan sisa serta menjadikan bandar lebih mesra alam dan cekap.

Kesimpulannya, Kuala Lumpur perlu memfokuskan pembangunan hijau dan biru yang bukan sahaja membawa faedah ekologi, bahkan menyumbang pembangunan holistik ibu kota itu.

Mengintegrasikan konsep ini dalam perancangan dan reka bentuk Kuala Lumpur yang boleh membawa impak positif berkekal dalam jangka panjang.

